

Newspaper	Berita Harian
Date	26/7/2013

## Najib ke-15 pemimpin paling ramai pengikut

BH - 26/7/2013

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menduduki tempat ke-15 sebagai pemimpin kerajaan yang paling ramai diikuti di dunia melalui Twitter, kata Twiplomacy.

Dalam laporannya semalam, Twiplomacy berkata, Najib, yang menggunakan akaun @NajibRazak, berhubung secara aktif dengan khalayak melalui kuiz dan 'sweepstakes.'

Kata laporan itu, pada Mei 2012, Najib mengajukan soalan kepada pengikutnya hadiah apakah yang patut beliau beri kepada pengikutnya yang ke-500,000?

### Undang pengikut bersarapan

"Beberapa hari kemudian, beliau mengundang empat pengikutnya untuk bersarapan bersamanya dan video itu beliauabadikan melalui Twitpic dan YouTube," kata Twiplomacy, kajian terkemuka global mengenai pemimpin dunia di dalam Twitter.

Akaun Najib agak aktif dengan purata 3.6 tweet sehari dan gandingan lengkap 20 peratus retweet, 17 peratus @replies dan 26 peratus @mentions iaitu Barisan Nasional, @BarisaNasional and @NajibRazak.

Sejak menyertai Twitter pada 21 September 2008 hingga bulan ini, akaun @NajibRazak mencatat 4,442 tweet, 1,647,682+ pengikut dan 574,614 tweet yang ditweet semula.

BERNAMA